



## SYARAT-SYARAT PERMOHONAN

### JICA KNOWLEDGE CO-CREATION PROGRAM FOR LONG TERM PARTICIPANTS – SDGS GLOBAL LEADER (JFY 2021 - 2023)

---

- 1) Berumur tidak melebihi **40 tahun pada 1 April 2022**;
- 2) Pegawai-pegawai Kerajaan **Kumpulan Pengurusan dan Profesional yang sedang berkhidmat dalam perkhidmatan tetap**;
- 3) Telah **disahkan dalam skim perkhidmatan terkini** pada tarikh tutup permohonan;
- 4) Mencapai markah **Laporan Nilai Prestasi Tahunan (LNPT) purata 85 markah ke atas bagi tempoh genap 3 tahun skim perkhidmatan terkini berturut-turut (2018, 2019 & 2020)**. Penilaian setahun LNPT hendaklah genap 12 bulan;
- 5) Mempunyai **ijazah sarjana muda atau sarjana** daripada universiti yang diiktiraf oleh Kerajaan;
- 6) Mengikuti pengajian di peringkat yang lebih tinggi daripada kelayakan akademik sedia ada yang dimiliki pegawai;
- 7) Kursus yang dipohon adalah berkaitan dengan bidang yang bersesuaian dengan bidang tugas;

- 8) Mematuhi **syarat genap tempoh tamat** mengikuti kursus jangka panjang/pendek seperti berikut:

<b>Tempoh Kursus</b>	<b>Tempoh Menunggu (pada 1 Januari 2021)</b>
Lebih daripada 12 bulan	2 tahun
Lebih daripada 3 bulan dan kurang daripada 12 bulan	1 tahun
Kurang daripada 3 bulan	Tiada

- 9) Tidak menerima bantuan penajaan yang lain;
- 10) Bersih daripada pertuduhan/tindakan tatatertib dan bebas daripada dakwaan Mahkamah;
- 11) Telah mengisytiharkan harta;
- 12) Tidak tersenarai dalam senarai hitam JPA;
- 13) Disahkan sihat oleh pegawai perubatan bertauliah dan sijil perakuan kesihatan perlu dikemukakan selepas pegawai lulus ujian kemasukan universiti. Namun, pengakuan status kesihatan oleh pegawai perlu dikemukakan terlebih dahulu bersama-sama dengan borang permohonan;
- 14) Mencapai tahap penguasaan Bahasa Inggeris dengan skor minimum seperti berikut:
- (i) TOEFL iBT : 80
  - (ii) IELTS (Academic Modules) : 6.5